



Buletin EIL 2 • MEI-OGOS 2021

MIPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



VAKSI
SAYA TELAH DIVAKSIN!



Lawatan YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shaari, Menteri Besar Selangor ke **PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MPAJ**

AWAS!

OPERASI PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP PENGURUSAN BERSTRATA DI BAWAH PENTADBIRAN MPAJ



Majlis Perbandaran Ampang Jaya - Rasmi



mp_ampangjaya



mp_gov.my



www.mpaj.gov.my



MP Ampang Jaya - Channel



03-4296 8060 Talian Utama / 1-800-22-8100 Talian Bebas Tol Aduan



03-4296 8060

SidangRedaksi

PENAUNG

Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim SMS
Yang Dipertua

PENASIHAT

Tn. Johari bin Atli sis, PPT
Pengarah Jabatan Undang-undang (menanggung kerja Setiausaha)

KETUA EDITOR

Pn. Rosliza bt. Mohd PPT
Pengarah Jabatan Perancangan Korporat

SIDANG EDITOR

- Puan Izzati Husna bt. Ismail
- Puan Siti Mariam bt. Md Dzahir

PEMBANTU PENERBITAN

Pn. Normali bt. Noordin

FOTOGRAFI

En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar



03 Lawatan Pemeriksaan Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh YB. Datuk Zuraida Binti Kamaruddin, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Kompleks Muhibbah

05 Lebih 3,000 Daftar Ujian Saringan Covid-19 di DUN Bukit Antarabangsa dan DUN Hulu Kelang

06 Lawatan YB. Datuk Zuraidah Binti Kamaruddin, Menteri KPKT Ke Lokasi Sanitasi Awam Dan Pusat Vaksinasi

12 Edaran Bakul Makanan Sumbangan Adun Teratai Dengan Kerjasama MPAJ

HubungiKAMI

Talian Utama (Operator)	03 - 4296 8000
Faksimile	03 - 4290 8050/8060
Hotline (24 Jam)	03 - 4296 8100
Talian Bebas Tol Aduan	T - 800 - 22 - 8100
Pantas (Bencana Alam 24 Jam)	03 - 4280 9050
Kaunter Khidmat Pelanggan	03 - 4285 7046
• Kaunter Pertanyaan	03 - 4285 7357
• Kaunter Eksekutif Pelanggan	
Pejabat Yang Dipertua	03 - 4285 7090
Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha	03 - 4285 7099
Jabatan Perbendaharaan	03 - 4285 7004
Jabatan Hasil	03 - 4285 7004
Jabatan Perancangan Korporat	03 - 4285 7477
Jabatan Penguatkuasa	03 - 4285 7024
• Stor	03 - 4285 7025
• Trafik	03 - 4285 7325
Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap	03 - 4285 7012
Jabatan Bangunan & Senibina	03 - 4285 7009
Jabatan Perancang Bandar	03 - 4285 7008

Jabatan Kejuruteraan	03 - 4285 7300
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	03 - 4285 7072
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan	03 - 4285 7344
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	03 - 4285 7044
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	03 - 4285 7007
Jabatan Khidmat Pengurusan	03 - 4285 7037
Jabatan Undang-Undang	03 - 4285 7016
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	03 - 4285 7110
Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)	03 - 4285 7102
Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat	03 - 4285 7433
Bahagian Ukur Bahan	03 - 4285 7444
Bahagian Audif Dalam	03 - 4285 7188
Bahagian Integriti	03 - 4285 7407



LAWATAN PEMERIKSAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) OLEH YB. DATUK ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN, MENTERI PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) KE KOMPLEKS MUHIBBAH

YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan pemeriksaan prosedur operasi standard (SOP) di Kompleks Muhibbah Taman Nirwana pada 1 Mei 2021. Beliau telah diringi oleh In Jahari bin Ali, Pengarah Jab. Undang-undang

(menanggung kerja Seliausaha) dan Puan Marlina binti Mohamad, Pengarah Jab. Pelesenan & Pembangunan Usahawan. YB Datuk berpuas hati dengan pematuhan SOP oleh para peniaga dari mengambil peluang untuk beramah mesra dengan mereka.



Standard Operating Procedure (SOP) Inspection at Kompleks Muhibbah by YB. Datuk Zuraida binti Kamaruddin, Minister of Housing & Local Government (KPKT)



YB Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Minister of Housing & Local Government (KPKT) made an SOP inspection visit at Kompleks Muhibbah Taman Nirwana on 1 May 2021. She was accompanied by In Jahari bin Ali, Director of Legal Department, (executing the work of MPAJ's Secretary) and Puan Marlina binti Mohamad, Director of Licensing & Entrepreneur Development. YB Datuk was satisfied with the compliance of SOPs by traders.

PROGRAM WORLD #QURANHOUR 2021



BERTEMAKAN 'Dunia Berbudi dan Penyayang', World #QuranHour 2021 mengajak umat Islam di negara ini untuk mengambil serius dan mematuhi arahan kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan pandemik Covid-19. Selain menjadi pentas terbaik bagi umat Islam mendalami Al-Quran di bulan Ramadan, World #QuranHour 2021 menjadi platform penyatuan ummah di seluruh dunia kerana ia

turut disiarkan melalui siaran digital dan sosial media. Selari dengan pelaksanaan program ini secara serentak di seluruh negara pada 6 Mei 2021, MPAJ turut mengadakan bacaan surah Al-Mulk di setiap jabatan dalaman bermula pada pukul 9.00 pagi melibatkan semua kakitangan MPAJ termasuk Yang Dipertua, Setiausaha dan ketua jabatan dalaman.



World #Quranhour 2021

THEMED 'A Virtuous and Caring World', World #QuranHour 2021 urges Muslims in this country to take seriously and abide by the government's directives in the effort to break the chain of Covid-19 pandemic infection. Besides being the best platform for Muslims to

appreciate Quran during the month of Ramadan, World #QuranHour 2021 is also a good platform to unite all Muslims in this world since it was being broadcast via social media, in line with the implementation of this program simultaneously throughout the country on 6 May

2021, MPAJ also hosted a reciting of Al-Mulk at each department starting from 9.00 am involving all employees including MPAJ's President, Secretary and head of department.

LEBIH 3,000 DAFTAR UJIAN SARINGAN COVID-19 DI DUN BUKIT ANTARABANGSA DAN DUN HULU KELANG



PROGRAM Saringan Covid-19 Komuniti percuma di bawah kerajaan Negeri Selangor yang berlangsung di dua Dewan Undangan Negeri (DUN) di Gombak pada 18 Mei 2021 menerima lebih 3,000 penyertaan. Seramai 1,100 orang mendaftar menerusi aplikasi SELangkah di Dewan Dato' Ahmad Razali manakala 2,000 orang mendaftar di Dewan Serbaguna MPAJ AU2. Ini menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam komuniti untuk membuat saringan. Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor telah hadir membuat lawatan ke program Saringan Komuniti di Dewan Dato' Ahmad Razali, Ampang Jaya dan seterusnya ke Dewan Serbaguna MPAJ AU2. Kerajaan Negeri memporutuk RM6 juta bagi meneruskan Saringan Komuniti Covid-19 secara percuma di seluruh negeri untuk membendung wabak. Saringan menggunakan kit ujian pantas antigen (RTK-Ag) yang membolehkan jangkitan Covid-19 dikesan dalam tempoh kurang 30 minit. Turut hadir YB. Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud, Exco Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita & Keluarga Negeri Selangor; YB Tn. Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang; dan In Johari bin Atli, Pengarah Jab. Undang-undang (menanggung kerja Setiausaha) MPAJ.



More Than 3,000 Registered for the Free Covid-19 SWAB Test at DUN Bukit Antarabangsa and DUN Hulu Kelang

THE free Covid-19 swab test program under Selangor state government that were held at two Dewan Undangan Negeri (DUN) in Gombak on 18 May 2021 received more than 3,000 participations. A total of 1,100 people registered through the SELangkah application at Dewan Dato' Ahmad Razali while 2,000 people registered at the Dewan MPAJ AU2. This indicates a high awareness in the

community to make screening. Dato' Seri Amirudin Shari, Chief Minister of Selangor paid a visit to the community screening program at Dewan Dato' Ahmad Razali, Ampang Jaya and Dewan MPAJ AU2. The State Government has allocated RM6 million to continue the free Covid-19 Community Screening throughout the state to curb the pandemic. The screening process used rapid antigen test

kit (RTK-Ag) that allows Covid-19 infection to be detected in less than 30 minutes. Also present were YB. Puan Dr Siti Mariah binti Mahmud, Selangor State Exco for Public Health, Unity and Women & Family Development; YB Tn. Saari bin Sungib, Hulu Kelang Assemblyman; and Tn Johari bin Atli, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary).



LAWATAN YB. DATUK ZURAIDAH BINTI KAMARUDDIN, MENTERI KPKT KE **LOKASI SANITASI AWAM DAN PUSAT VAKSINASI**

YB. Datuk Zuraidah binti Kamaruddin, Menteri KPKT telah turun ke beberapa lokasi sanitasi awam di sekitar kawasan MPAJ iaitu Pangsapuri Desa 288, Taman Dato' Ahmad Razali dan Pangsapuri Ampang Saujana pada 29 Mei 2021. Beliau turut mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan MPAJ, Kg. Ampang Indah. Dr Sathya Rao a/l Jogulu, Ketua (Pakar

Perubatan Keluarga) Klinik Kesihatan Ampang yang juga merupakan ketua penyelaras PPV Kg. Ampang Indah telah memberi penerangan dan mengiringi ses lawatan tersebut dengan mematuhi SOP MKN. Turut hadir antara In Johari bin Ali, Pengarah Jab. Undang-undang (menanggung kerja Setiausaha) MPAJ.

**Visit by YB. Datuk
Zuraidah binti
Kamaruddin, KPKT'S
Minister to Public
Sanitation Location and
Vaccination Centre**

YB. Datuk Zuraidah binti Kamaruddin, Housing & Local Government's Minister paid a visit to a few public sanitation places in MPAJ area that were Desa 288 flat, Taman Dato' Ahmad Razali and Ampang Saujana flat on 29 May 2021. She also visited Dewan MPAJ, Kg. Ampang Indah's Vaccination Centre. Dr Sathya Rao a/l Jogulu, head of Ampang Health Clinic who was also the head coordinator of PPV Kg. Ampang Indah delivered the briefing and accompanied the visit based on MKN's SOP. Also present was In Johari bin Ali, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary).



LAWATAN Y.BHG TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI, KETUA SETIAUSAHA NEGARA

KE PUSAT PEMBERIAN VAKSINASI (PPV)
DEWAN MPAJ, KG. AMPANG INDAH

MPAJ berasa amat bertuah apabila Y.Bhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengadakan kunjungan hormat ke pusat pemberian vaksin (PPV) Dewan MPAJ, Kg. Ampang Indah pada 3 Jun 2021. Beliau diringi oleh Tn. Mohd Fauzi bin Mohd

Yatim, Yang Dipertua MPAJ; Tn. Najmuddin bin Jemain, Pegawai Daerah Hulu Langat; serta Dr Sathya Rao a/l Jogulu, Ketua Klinik Kesihatan Ampang merangkap ketua penyelaras PPV Kg. Ampang Indah. Lawatan diadakan mengikut SOP yang ditetapkan oleh MKN.



Visit by Y.Bhg Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Malaysia's Chief Secretary to Dewan MPAJ, Kg. Ampang Indah's Vaccination Centre (PPV)

MPAJ was very lucky when Y.Bhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Chief Secretary to the Government of Malaysia (KSN) paid a courtesy visit to Dewan MPAJ, Kg. Ampang Indah's Vaccination Centre on 3 June 2021. He was accompanied by Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim,

MPAJ's President; Tn. Najmuddin bin Jemain, Hulu Langat's District Officer; and Dr Sathya Rao a/l Jogulu, head of Ampang Health Clinic who was also the head coordinator of PPV Kg. Ampang Indah. The visit was held according to MKN's SOPs.



TERIMA KASIH F&N BEVERAGES (M) SDN BHD DAN KELAB REKREASI TAMAN MELAWATI

Sumbangan Makanan dan Minuman Bagi Petugas Barisan Hadapan MPAJ

EN. MOHD Zahid bin Dol, Pengurus Penajaan F&N Beverages (M) Sdn Bhd; dan En. Zulkifli bin Mohamed, Pengerusi Kelab Rekreasi Taman Melawati telah hadir ke MPAJ menyampaikan sumbangan makanan

dan minuman kepada petugas banson hadapan MPAJ pada 10 Jun 2021. Hadir menerima sumbangan adalah Tuan Johari bin Atli, Pengarah Jab. Undang-undang (menanggung kerja Setiausaha) MPAJ.



Appreciation to F&N Beverages (M) Sdn Bhd and Taman Melawati Recreational Club Food and Beverages Donation to MPAJ's Frontliners

EN. MOHD Zahid bin Dol, Sponsorship Manager of F&N Beverages (M) Sdn Bhd; and En. Zulkifli bin Mohamed, Chairman of Taman Melawati Recreational Club were present at MPAJ to hand over contributions of food and beverages to MPAJ's frontliners on 10 June 2021. Tuan Johari bin Atli, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary) accepted them on behalf of MPAJ.



AWAS!

OPERASI PEMANTAUAN PEMATUHAN SOP PENGURUSAN BERSTRATA DI BAWAH PENTADBIRAN MPAJ

MPAJ telah melaksanakan operasi pemantauan pematuhan SOP pengurusan berstrata di kawasan pentadbirannya sepanjang tempoh PKP 3.0. Pemantauan dilaksanakan oleh kakitangan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

bagi melihat pelaksanaan di tapak. Sebanyak 39 penempatan berstrata dilawati dan 1 kompaun telah dikeluarkan. Pada 28 Julai 2021, Tuan Johari bin Atli, Pengarah Jab. Undang-undang (menanggung kerja Setrausaha) MPAJ telah turut

serta dalam operasi pemantauan di Perbadanan Pengurusan Kondominium Kampung Warisan, Jalan Jelatek. Beliau diiringi oleh Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MPAJ.



**Caution!
Stratified
Management
SOPS
Compliance
Monitoring
Process by MPAJ**

MPAJ has implemented stratified management SOP compliance monitoring operations to monitor compliance with stratified management SOPs in its administrative area during the period of PKP 3.0. Monitoring is carried out by Commissioner of Building (COB) Division to see the implementation on site. A total of 39 stratified settlements were visited and 1



compound was issued. Tuan Johari bin Atli, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary) joined the operation of management corporation (MC) of Kampung Warisan Condominium, Jalan Jelatek on 28 July 2021. He was accompanied by Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, Head Division of COB MPAJ.



PEMERIKSAAN TEKNIKAL KEBOCORAN DI AXIS ATRIUM

BAHAGIAN Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPAJ bersama pegawai daripada Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT), Inspektor Mohammad Izzat bin Hassan telah mengadakan pemeriksaan teknikal ke Axis Atrium setelah menerima aduan berkaitan kebocoran di bangunan berkenaan. Perbincangan telah dilaksanakan di tapak bersama pihak pengurusan Axis Atrium bagi mencari penyelesaian kepada masalah tersebut.



Technical Inspection of Leaks at Axis Atrium

MPAJ's Commissioner of Building (COB) and an officer from Ministry of Housing & Local Government (KPKT), Inspektor Mohammad Izzat bin Hassan made a technical inspection at Axis Atrium after receiving

complaints on leakage problem at the condominium. Discussion has been made on site with the management office to provide a solution to the problem.





PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK) DIPERLUAS KEPADA KOMUNITI PENIAGA KECIL

Selangor dipilih sebagai destinasi pertama kerana mempunyai jumlah jangkitan kes yang tertinggi pada ketika itu. Projek rintis MOVAK disempurnakan pada 6 Julai 2021 oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Zuraida Kamaruddin, membatibatkan seramai 504 penjaja daripada 8,812 penjaja yang berdaftar di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Program yang berlangsung di Dewan MPAJ Datu Ahmad Razali, Ampang itu membatibatkan seramai 51 petugas dan sukarelawan iaitu 18 petugas kesihatan dan 33 lagi adalah petugas bukan kesihatan. Ia mempunyai empat komponen yang terdiri daripada Unit Panggilan, Unit Mobilisasi, Unit Jangkauan Komuniti dan Unit PPV Bergerak. Turut hadir adalah YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara diringi oleh In. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ.

PROGRAM Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diperluaskan kepada komuniti peniaga kecil. Program dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) diperluaskan kepada penjaja pasar malam, pasar tani, pasar pagi, pasar basah dan lain-lain peniaga yang termasuk dalam kategori penjaja dan berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).



Community Vaccine Mobilization Program (MOVAK) Extended to Small Business Community

THE Community Vaccine Mobilization Program (MOVAK) under the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) has been extended to small business community. The program in collaboration with the Ministry of National Unity and the Ministry of Energy, Science, Technology and Innovation (MOSTI)

is extended to night market hawkers, farmers' markets, morning markets, wet markets and other traders who fall into the hawkker category and registered with the local authority (PBT).

Selangor was chosen as the first destination because it had the highest number of case infections at that time. The MOVAK pilot project was officiated on 6 July 2021 by the Minister of Housing and Local Government, Datuk Zuraida Kamaruddin, involving a total of 504 hawkers out of 8,812 hawkers registered under Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ). The program took place at Dewan MPAJ Datu Ahmad Razali, Ampang involving 51 officers and volunteers that were 18 health workers and 33 non-health workers. It has four components consisting of Call Unit, Mobilization Unit, Community Outreach Unit and Mobile PPV Unit. Also present were YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, National Unity Minister accompanied by In. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President.





ADUN TERATAI DENGAN KERJASAMA MPAJ

PADA 16 JULAI 2021 telah berlangsung aktiviti edaran bakul makanan sumbangan daripada ADUN Teratai dengan kerjasama MPAJ yang diadakan di foyer Menara MPAJ. Seramai 100 orang telah menerima sumbangan dalam bentuk beras, minyak masak, gula, mi kering dan beberapa bahan asas

untuk membantu ringankan beban rakyat. YB Tr. Lai Wai Chong, ADUN Teratai telah hadir bersama Tr. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bagi mengedarkan bantuan. Program turut disertai oleh barisan ahli majlis dan pengarah jabatan.

Distribution of Food Basket From Teratai Assemblyman in Collaboration with MPAJ

DISTRIBUTION of food basket from Teratai Assemblyman was conducted on 16 July 2021 in collaboration with MPAJ at Menara MPAJ's foyer. 100 people received packet of rice, cooking oil, sugar, mee, and a few basic foods. It is hope that these contributions will ease the burden of residents. YB Tr. Lai Wai Chong, Teratai's Assemblyman and Tr. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President were present to distribute the food baskets. Also present were MPAJ's councillors and internal directors.





PADA 16 Julai 2021, Timbalan Perdana Menteri (kini Perdana Menteri) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan empat kawasan baharu dalam empat daerah di Selangor dikenakan PKPD selama dua minggu mulai 18 Julai 2021. Kawasan tersebut ialah Apartmen Damai, mukim Damansara, Petaling; Jalan Pandan Indah, mukim Ampang, Hulu Langat; Jalan Batu Nilam, mukim Klang, Klang; dan Taman Samudera, mukim Batu, Gombak. Jalan Pandan Indah yang dimaksudkan melibatkan penduduk Pangsapuri Merpati A yang berada dalam kawasan pentadbiran MPAJ. MPAJ telah membenarkan bantuan dari sudut logistik dan sumber manusia bagi membantu kawalan di kawasan PKPD Pangsapuri Merpati A. Kakitangan MPAJ telah bertugas secara bergilir-gilir di khemah yang disediakan. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Pandan Indah (Pangsapuri Merpati A) telah ditamatkan pada 30 Julai 2021 iaitu awal sehari daripada tarikh yang sepatutnya.

MPAJ ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama padu antara semua agensi yang terlibat iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya, Pejabat Tanah & Daerah Hulu Langat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat, Pejabat Kobajikan Masyarakat Daerah Hulu Langat, Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat, dan Jabatan Penerangan Malaysia Daerah Hulu Langat.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

DI PANGSAPURI MERPATI A, PANDAN INDAH



Enhanced Movement Control Order (EMCO) at Pangsapuri Merpati A, Pandan Indah

ON 16 July 2021, Deputy Prime Minister (currently the Prime Minister) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced four new locations in Selangor that will be put under enhanced movement control order (EMCO) for two weeks, starting 18 July 2021. The areas were Apartment Damai, mukim Damansara, Petaling; Jalan Pandan Indah, mukim Ampang, Hulu Langat; Jalan Batu Nilam, mukim Klang, Klang; and Taman Samudera, mukim Batu, Gombak. Jalan Pandan Indah was referred to residents at Pangsapuri Merpati A that is under the administration area of MPAJ. MPAJ helped in providing logistics and human resources to assist control in the EMCO area of Pangsapuri Merpati A. MPAJ staffs were working on shift

basis. The enhanced movement control order (EMCO) at Jalan Pandan Indah (Pangsapuri Merpati A) was terminated on 30 July 2021 which was one day earlier than the due date.

MPAJ would like to express our highest appreciation to all related agencies that were Health Ministry of Malaysia (KKM), Royal Malaysian Armed Forces (ATM), District Police Headquarters (IPD) of Ampang Jaya, Hulu Langat Land and District Office, Fire and Rescue Department of Malaysia, Malaysian Civil Defence Force, Hulu Langat District Health Office, Hulu Langat District Social Welfare Office, Hulu Langat District Public Works Department, and Department of Information Malaysia Hulu Langat District.



PROGRAM 'ALUNAN YASIN DI AMPANG JAYA: AMPANG JAYA BERDOA' SECARA MAYA



Virtual Reciting of Yassin @ Ampang Jaya : 'Ampang Jaya Berdoa'

SELARAS dengan norma baharu kesan pandemik Covid-19, MPAJ telah mengambil inisiatif menganjurkan program Alunan Yassin di Ampang Jaya : Ampang Jaya Berdoa pada setiap pagi Jumaat. Secara lazimnya sekitar 400 orang menyertai program melalui aplikasi Microsoft Team manakala selebihnya menyertai melalui platform media sosial Youtube dan Facebook.

Penceramah jemputan di kalangan ahli agama turut hadir secara maya bagi tujuan pengisian rohani melalui sesi tazkirah ringkas. Terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan kebun komuniti, persatuan penduduk, badan pengurusan bersama (JMB) / perbadanan pengurusan (MC) dan penduduk Ampang Jaya yang sudi menyertai program setiap pagi Jumaat ini.

IN line with the new norm of Covid-19 pandemic, MPAJ has taken the initiative to organize a virtual reciting of Yassin every Friday morning. Usually around 400 people participated in the program via Microsoft Team application while the rest participated via social media platforms such as Youtube and Facebook. Speakers among religious members were also present virtually for the purpose of spiritual talk in a short tazkirah session. We would like to convey our appreciation to all community gardens, residents' associations, joint management body (JMB) / management corporation (MC) and Ampang Jaya residents who participated in this program.





MPAJ dengan kerjasama penduduk setempat telah menjalankan program '10 Minit Cari & Musnah Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes'. Program yang dijalankan secara berkala ini melibatkan kawasan perumahan di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ. Memandangkan program dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masa hanya ahli COMBI kawasan berkaitan sahaja yang terlibat bagi pematuan SOP MKN. Semoga pelaksanaan program ini dapat meningkatkan mutu kebersihan kawasan sekitar sekaligus mengurangkan kes demam denggi.

PROGRAM 10 MINIT BAGI AKTIVITI CARI DAN MUSNAH TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK AEDES



10 Minutes Search and Destroy Aedes Mosquitos Breeding Sites Program

MPAJ in collaboration with the community hosted a '10 Minutes Search & Destroy Aedes Mosquitos Breeding Sites' program. This program which is conducted regularly, involves housing areas in MPAJ. As the program was implemented during the Movement

Control Order (PKP) period, only COMBI members of the community were involved to comply with the MKN SOP. It is hope that the

implementation of this program can improve the quality of cleanliness in the surrounding area as well as reduce cases of dengue fever.

LOKASI / LOCATION	TARIKH / DATE	JUMLAH PESERTA / PARTICIPANTS
Pangsapuri Sri Nilam	23 Julai 2021 / 23 July 2021	20 orang / people
Pangsapuri Ampang Mewah (Blok B & C)	26 Julai 2021 / 26 July 2021	18 orang / people
Kg Melayu Ampang	2 Ogos 2021 / 2 August 2021	15 orang / people
Taman Sri Keramat Tengah & Taman Seri Keramat	5 - 6 Ogos 2021 / 5 - 6 August 2021	20 orang / people

TAHUKAH anda bahawa pembakaran terbuka adalah salah di sisi undang-undang alam dan undang-undang manusia?

Lawatan Tapak Aduan Pembakaran Terbuka

ALAM akan mengalami pencemaran udara manakala di bawah UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPAJ) 2007, UUK 16: tiada seorang pun boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar, sampah sarap atau bahan-buangan melainkan mengikut cara dan tempat yang diluluskan oleh PBT dan Ketua Pengerah Jabatan Alam Sekitar. Pihak yang bertanggungjawab boleh didenda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

Bertindak daripada aduan yang diterima, satu lawatan tapak telah diadakan pada 23 Julai 2021 di beberapa lokasi iaitu Taman Bukit Melawati, Taman Wawasan, Empangan Klang Gates dan tanah lot berhampiran Masjid Al-Mardiah,

Taman Melawati. Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar MPAJ hadir bersama ahli majlis JKP zon-1, Tuan Mohamed Radziff bin Hasan; wakil Pejabat Daerah Gombak; serta penduduk tempatan bagi mengenalpasti lokasi

aduan. Pembakaran terbuka yang dibuat secara berterusan telah menyebabkan kacau-ganggu kepada penduduk sekitar. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi menangani aduan tersebut.



Site Visit on Open Burning Complaint

DID you know that open burning is wrong under the laws of nature and human law? Nature will experience air pollution while under UUK Garbage Collection, Disposal and Disposal (MPAJ) 2007, UUK 16: no one can burn or cause to be burned incinerators, garbage, or waste except in the manner and place approved by the local authority and the Director General of Environmental Department. The responsible party may be fined not more than RM2,000.00 or imprisoned not more than one year or both.

Based on complaints received, a site visit was held on 23 July 2021 at Taman Bukit Melawati, Taman Wawasan, Empangan Klang Gates and a piece of land near to Masjid Al-Mardiah. MPAJ's Health and Environment Department was present together with JKP zone 1 councillor, Tuan Mohamed Radziff bin Hasan; representative from Gombak Land and District Office; and residents to identify the exact location of the open burning. The continuous open burning has caused nuisance to the nearby residents. Ongoing monitoring will be implemented to address such complaints.

LAWATAN TAPAK KE TANAH PERKUBURAN ISLAM MPAJ, TAMAN UKAY PERDANA BAGI PERANCANGAN STRATEGIK DAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN

SERAMAI 5 orang penggali kubur diperlukan untuk kerja-kerja menggali liang lahad di Tanah Perkuburan Islam MPAJ, Taman Ukay Perdana. Tanah perkuburan ini turut menerima jenazah pesakit Covid-19 yang mana ranya perlu diurus mengikut SOP yang telah ditetapkan. MPAJ pernah menerima sehingga 10 jenazah biasa dan 11 jenazah Covid-19 dalam masa sehari. Dogitu berat bebarang tugas yang digalas

oleh penggali kubur di Tanah Perkuburan Islam Ukay Perdana ini. Mereka melaksanakan tugas fardu kifayah ini dengan penuh ikhlas hati. Dalam hadis riwayat al-I lakim, Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang menggali kubur untuk jenazah, kemudian dia masukkan jenazah tadi ke dalam kubur, maka pahalanya akan mengalir."

Bagi merencana perancangan strategik pengurusan dan

penyelenggaraan tanah perkuburan ini, satu lawatan tapak oleh pengurusan tertinggi MPAJ telah diadakan pada 27 Julai 2021. Ia juga bagi menambahkan baik pengurusan jenazah kesan peningkatan bilangan jenazah akibat daripada perulatan Covid-19. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ bersama barisan ketua jabatan dalaman MPAJ telah hadir ke tapak.

Site Visit to MPAJ'S Islamic Cemetery, Taman Ukay Perdana for Strategic Planning and Maintenance Work



A TOTAL of 5 grave diggers are needed for the work of digging burial pits at the MPAJ's Islamic Cemetery, Taman Ukay Perdana. The cemetery also receives the remains of Covid-19 patients which must be managed according to the SOP that has been set. MPAJ received up to 10 ordinary remains and 11 Covid-19 remains in one day. These showed a high workload of the grave diggers at Ukay Perdana Islamic Cemetery. They perform the 'fardu kifayah' with sincerity.

A site visit by the top management of MPAJ was held on 27 July 2021 to plan the strategic planning of management and maintenance of this cemetery. It is also to improve the management of remains as the increase in numbers due to Covid-19 transmission. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President together with internal head of departments were present at site.



**LAWATAN YAB DATO' SERI
AMIRUDDIN BIN SHAARI,
MENTERI BESAR SELANGOR
KE PUSAT PEMBERIAN
VAKSIN (PPV)
DALAM KAWASAN
PENTADBIRAN MPAJ**

YAB Dato' Seri Amiruddin Bin Shaari, Dato' Menteri Besar Selangor telah mengadakan lawatan ke pusat pemberian vaksin (PPV) di sekitar pentadbiran MPAJ pada 1 Ogos 2021. Dato' Menteri Besar memulakan kunjungannya ke PPV SelVaX DUN Pandan Indah sebelum ke PPV Galaxy Ampang Mall dan kemudian ke PPV SelVaX DUN Lembah Jaya. Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ telah mengiringi lawatan tersebut.

Ternyata usaha Kerajaan Negeri Selangor melancarkan Program Vaksin Selangor (SelVAX) sebagai usaha melengkapkan dan mempercepatkan proses vaksinasi rakyat suatu tindakan yang tepat bagi membantu negara. Menteri Besar Selangor menyatakan bahawa usaha itu dilaksanakan dengan mengenalpasti kumpulan sasaran (SelVAX Komuniti) serta memelihara pekerja (SelVAX Industri) dalam negeri yang merupakan penyumbang terbesar keluaran dalam negara kasar (KDNK).



Visit by YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shaari, Selangor Chief Minister to Vaccination Centre (PPV) in MPAJ Area



YAB Dato' Seri Amiruddin Bin Shaari, Selangor Chief Minister paid a visit to a few vaccination centre (PPV) in MPAJ area on 1 August 2021. The Chief Minister visited PPV SelVaX DUN Pandan Indah before heading to PPV Galaxy Ampang Mall and then to PPV SelVaX DUN Lembah Jaya. Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President accompanied the visit.

Apparently, the Selangor State Government's effort to launch the Selangor Vaccine Program (SelVAX) as an effort to complete and speed up the vaccination process for the people is an appropriate action to help the country. The Selangor Chief Minister stated that the effort was implemented by identifying the target group (SelVAX Community) as well as retaining workers (SelVAX Industri) in the state which is the largest contributor to gross domestic product (GDP).



LAWATAN YB. TUAN NG SZE HAN SELAKU EXCO KERAJAAN TEMPATAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU NEGERI SELANGOR KE PPV SELVAX DUN TERATAI



YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) DUN Teratai pada 3 Ogos 2021 di Dewan MPAJ Pandan Indah. Beliau yang juga penyelaras DUN Teratai telah melihat proses

pemberian vaksin yang dijalankan oleh pihak Selgate Healthcare Sdn Bhd. Puan Rosliza binti Mohd. Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ yang mewakili Yang Dipertua telah mengiringi lawatan tersebut. Turut hadir YB Tuan Lai Wai Chong, ADUN Teratai dan beberapa orang ahli majlis MPAJ.



Visit by YB. Tuan Ng Sze Han, Selangor State Exco for Local Government, Public Transport and New Village Development to PPV Selvax DUN Teratai

YB Tuan Ng Sze Han, Selangor State Exco for Local Government, Public Transport and New Village Development paid a visit to DUN Teratai vaccination centre (PPV) on 3 Ogos 2021 at Dewan MPAJ Pandan Indah. YB Tuan Ng who is also the coordinator for DUN Teratai monitored the vaccination process carried out by Selgate Healthcare Sdn Bhd. Puan Rosliza binti Mohd, MPAJ's Director of Corporate Planning Department representing the President was present to assist the visit. Also present were YB Tuan Lai Wai Chong, Teratai Assemblyman and a few MPAJ's councillors.



463 KAWASAN DI SELANGOR, PUTRAJAYA ALAMI GANGGUAN AIR

MPAJ hantar bekalan air bersih
kepada penduduk



SEBANYAK 463 kawasan di lima daerah Selangor mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihentikan tugas akibat pencemaran bau dikesan di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir pada 31 Ogos 2021. Pencemaran dikesan pada jam 11:10 pagi itu menjejaskan bekalan air di 172 kawasan di Petaling, manakala Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20). Mendengar rintihan dan keluhan penduduk Ampang Jaya yang terputus bekalan air, kakitangan MPAJ telah menggerakkan usaha menghantar bekalan air bersih ke kawasan-kawasan yang terjejas. MPAJ menggunakan lori tangki untuk menghantar bekalan air bersih.

463 Areas In Selangor, Putrajaya Affected by Water Disruption

463 areas in five districts in Selangor experienced unscheduled water supply disruptions after Sungai Semenyih's water treatment plant been discontinued due to odor pollution detected at Jenderam Hilir's raw water pump station on 31 August 2021. The pollution was detected at 11:10 am and affected water supply in 172 areas in Petaling, 54 in Hulu Langat, 194 in Sepang, 23 in Putrajaya and 20 in Kuala Langat. Hearing the grievances and complaints of people in Ampang Jaya who faced water disruption, MPAJ staffs helped to send clean water supply to the affected areas. MPAJ used tanker trucks to deliver clean water supply.





MPAJ TURUN PADANG BAGI PENYELESAIAN ADUAN DI PANGSAPURI ONE JELATEK DAN SERI MAYA

MPAJ telah menerima aduan daripada Pengurusan Perbadanan One Jelatek dan Pangsapuri Seri Maya berkenaan dengan perangkap sampah besi di longkang besar ('monsoon drain') yang rosak mengakibatkan timbunan sampah yang menyebabkan air melimpah

keluar dari longkang tersebut. Ianya juga mengakibatkan kawasan tersebut dinaiki air apabila air hujan lebat. Bertindak daripada aduan tersebut, MPAJ telah melaksanakan lawatan ke Pangsapuri One Jelatek dan Pangsapuri Seri Maya bagi menyelesaikan beberapa aduan

yang dibangkitkan pada 14 Ogos 2021. Turut serta Tn. Johari bin Atli Pengarah Undang-Undang (Menanggung kerja Sebausaha MPAJ) bersama beberapa pengarah dan pegawai MPAJ bagi membincangkan penyelesaian strategik.

Site visit to one Jelatek and Seri Maya apartments for resolution of Complaints

MPAJ received complaints from Management Corporation (MC) of One Jelatek Condominium and Seri Maya Condominium regards to broken waste traps at monsoon drain resulting piles of garbage that causes water to overflow. It also caused float at the surrounding area during heavy rain. Based on the



complaint, MPAJ made a site visit to One Jelatek Condominium and Seri Maya Condominium to solve a few issues regards to the complaint on 14 August 2021. Present were Iuan Johan bin Atli, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary) with a few directors and officials from MPAJ to discuss a strategic holistic solution to the complaint.





MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN DI ANTARA WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD BERSAMA 5 PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DI NEGERI SELANGOR

WORLDWIDE Holdings Berhad (Worldwide Holdings) telah menandatangani perjanjian bersama lima pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor bagi melaksanakan pembangunan pusat pengurusan sisa pepejal bersepadu (ISWMC). Lima PBT itu ialah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). Majlis perjanjian ini dilakukan secara maya dan ditandatangani oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ dan disaksikan oleh YAB Dato' Seri Amiruddin Bin Shaari,

Dato' Menteri Besar Selangor pada 19 Ogos 2021.

Melalui perjanjian tersebut, Selangor bakal memiliki loji pengurusan sisa pepejal berteknologi hijau yang terbesar dan moden di Malaysia. Perjanjian ini juga menyumbang kepada usaha memastikan tarikh mula operasi komersial (COD) yang ditetapkan Suruhanjaya Tenaga dapat dipenuhi iaitu bermula pertengahan tahun 2024. Pelaksanaan teknologi 'Waste to Energy' (WTE) ini juga selaras dengan matlamat kerajaan iaitu untuk mencapai kapasiti penjanaan 'renewable energy' atau tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 20 peratus menjelang tahun 2025.

WASTE DISPOSAL AGREEMENT SIGNING CEREMONY BETWEEN WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD WITH 5 SELANGOR'S LOCAL COUNCILS

Worldwide Holdings Berhad (Worldwide Holdings) has signed an agreement with five local authorities (PBT) in Selangor to implement the development of an integrated solid waste management centre (ISWMC). The five local councils are Shah Alam City Council (MBSA), Petaling Jaya City Council (MBPJ), Subang Jaya City Council (MBSJ), Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) and Kuala Selangor Municipal Council (MPKS). The agreement ceremony was done virtually and signed by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, the President of MPAJ, and witnessed by YAB Dato' Seri Amiruddin bin Shaari, Selangor Chief Minister on 19 August 2021.

Through the agreement, Selangor will have the largest and most modern green technology solid waste management plant in Malaysia. This agreement also contributes to ensuring that the start date of commercial operations (COD) set by the Energy Commission can be met, starting by mid-2024. The implementation of 'Waste to Energy' (WTE) technology is also in line with the government's goal of achieving renewable energy generation capacity by 20 percent by 2025.

Cabutan BERTUAH

Sempena **30 tahun MPAJ**

JOM Bayar Cukai Taksiran MPAJ Tahun 2022

MUAT TURUN SEGERA



Lebih **RM300** ribu
HADIAH untuk **DIMENANGI**

Bayar Cukai Taksiran
Setahun Untuk Layak



**Cabutan
Utama**

Bayar Cukai Taksiran Mengikut
Penggil Untuk Layak



**Cabutan
Bulanan**

Tempoh Bayaran Bagi Tahun 2022

1 Januari - 28 Februari
(Penggil 1)

1 Julai - 31 Ogos
(Penggil 2)

Layari Pautan :
<https://icomm.mpaj.gov.my>

Rujuk laman web MPAJ untuk syarat
dan keterangan lanjut di www.mpaj.gov.my